

03 SEP 2001

AZLAN-BSKL

BSKL MAHU LEBIH BANYAK SYARIKAT DISENARAIKAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mahu lebih banyak syarikat Malaysia disenaraikan di bursa itu bagi memperluas dan mendalamkan lagi pasaran modal Malaysia.

Setakat hari ini, sebanyak 807 buah syarikat awam disenaraikan di BSKL dengan 513 buah daripadanya di Papan Utama dan 294 buah lagi di Papan Kedua, kata pengerusi eksekutif BSKL, Datuk Mohd Azlan Hashim.

Kadar pertumbuhan tahunan bagi penyenaian baru di BSKL terus positif, katanya di Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 yang dibuka oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

"Jumlah syarikat yang disenaraikan di bursa-bursa Asean adalah melebihi 2,000 buah syarikat. Ini bermakna lebih satu pertiga daripada semua syarikat tersenarai di Asean disenaraikan di BSKL," katanya.

Bursa-bursa Asean termasuk di sini, Bangkok, Jakarta, Manila dan Singapura.

Mohd Azlan berkata usaha untuk memajukan sebuah pasaran yang berdaya pegas, cekap dan berdaya saing, diperkukuhkan lagi dengan tumpuan untuk mengimbangi keperluan bagi mengadakan peraturan dengan keperluan-keperluan peserta pasaran di BSKL.

Dalam mencapai matlamat ini, BSKL telah terus berusaha untuk maju dan bergerak ke arah mengadakan peraturan yang berkesan dan prasarana yang cekap dan kos efektif, katanya.

Hasilnya terbukti dengan keyakinan berterusan dalam pasaran modal Malaysia dan dalam BSKL sebagai mekanisma untuk menjana modal, kata Mohd Azlan.

Beliau berkata pelabur yang menilai dan mengikuti perkembangan pasaran modal Malaysia serta ekonominya harus membuat ukuran terhadap perkara-perkara ini.

"Dalam berbuat begitu, ia akan menjadi lebih jelas bahawa pasaran modal Malaysia dan ekonomi Malaysia bukan sahaja menarik, tetapi terus membina daya pegas, kecekapan dan daya saing.

"Ini akan menjadikan pasaran-pasaran kita lebih menarik bagi pelabur tempatan dan asing untuk menyertainya," katanya. -- BERNAMA

MAS FR JR